

07/02/1997

Lepasan sekolah wajar sertai kerahan tenaga

Syuhada Choo Abdullah

PELAJAR yang sedang menunggu keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) perlu diwajibkan menyertai program kerahan tenaga sebagai antara usaha memerangi gejala sosial di kalangan remaja.

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Dr Sidek Baba, ketika menyarankan demikian berkata, langkah itu secara langsung boleh memastikan pelajar terbabit memenuhi masa lapang dalam tempoh panjang berkenaan dengan kegiatan berfaedah yang tersusun.

Beliau berkata, tindakan berkenaan bukan bertujuan mengongkong kebebasan pelajar dan tidak membebankan pihak ibu bapa kerana penyertaan dalam program disediakan itu kelak dijangka adalah secara percuma.

Tambahan pula walau pun diwajibkan menyertai program kerahan tenaga itu sepanjang tempoh menunggu keputusan peperiksaan, katanya, pelajar tetap boleh diperuntukkan waktu cuti bersama keluarga.

Menerusi program berkenaan, menurutnya, pelajar terbabit boleh diberi pelbagai pendedahan yang akan mendidik dan melatih ketangkasan fizikal, mental rohani serta intelektual mereka secara bersepadu.

"Golongan remaja mudah terpengaruh dengan perkara tidak baik. Oleh itu, program sedemikian perlu untuk menyediakan mereka menerusi pembentukan peribadi yang tahan dan berdaya maju sebelum memasuki pengajian peringkat lebih tinggi atau alam pekerjaan kelak.

"Lagipun, program berkenaan dapat melatih atau membina remaja secara bersepadu di samping mengeratkan perpaduan sesama pelajar pelbagai, kaum di negara ini," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam bahawa kerajaan akan menimbangkan cadangan supaya lepasan sekolah menyertai program kerahan tenaga dalam usaha mengurangkan gejala sosial, khususnya di kalangan belia Melayu.

Cadangan supaya diwujudkan program latihan yang menerapkan disiplin ala-tentera selain pembinaan diri dan sahsiah di kalangan pelajar itu, di buat oleh seorang peserta Perjumpaan Khas Mengenai Masalah Sosial di Kalangan Umat Islam di Pusat Islam, kelmarin.

Dr Sidek berkata, kandungan program yang dijalankan perlu mencakupi semua aspek, bukan mengulang kegiatan yang dilakukan di sekolah.

Beliau berkata, semua pihak terbabit seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Biro Tatanegara, agensi latihan, ahli akademik dan pihak profesional perlu bekerjasama menggubal suatu kurikulum selaras yang bersepadu untuk program berkenaan.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Guru-Guru Dalam Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (Kongres) merangkap Presiden Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Lepas Maktab Semenanjung Malaysia (KKGLMSM), Muhammad Mustapha, turut mengalu-alukan saranan pelaksanaan program kerahan tenaga itu.

Menurutnya, program itu dapat memperuntukkan tempat serta perhatian bagi mengelakkan remaja membazir masa pada waktu lapang di samping boleh memupuk dan mendedahkan remaja kepada nilai agama secara lebih mantap juga teratur.

Bagaimanapun, beliau turut mencadangkan penubuhan sekolah kerjaya atau kelas kerjaya secara bermusim di sekolah biasa yang membolehkan pelajar sedang menunggu keputusan peperiksaan awam, mengikuti kursus suatu bidang pekerjaan berdasarkan minat dan kemahiran.

"Bagaimanapun penerapan nilai murni agama bukan saja harus dipupuk dari

peringkat sekolah rendah, malah bermula di peringkat pra sekolah lagi. Penyusunan semula sukatan pelajaran perlu bagi memberi penekanan yang lebih berkesan dari segi penghayatan," katanya.

(END)